

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH: KAJIAN KES DI MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS)***Zetty Nurzuliana Rashed****Mardhiah Yahaya****Mohd Faez Ilias****Mohd Fakhri Sungit****Ainul Hayat Abdul Rahman**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Norfariza Mohd Radzi

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

zetty@kuis.edu.my*ABSTRACT**

Tahfiz education has increasingly become a choice of education stream by much Islamic community in Malaysia. In the state of Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) has established Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) to produce students with achievement both in academic and tahfiz curriculum. This study aims to explore the provision of infrastructure in MITS with the current financial sources and the benefit gained by students from it. This study used qualitative research through a case study with one of MITS in Selangor and the application of interview and observation method. The findings showed that MITS has provided various forms of infrastructure to school members including the school laboratories, hostel, food in the hostel and general facilities. It was found that the main financial resources were derived from JAIS, alms/zakat from Islamic organizations, parents and communities. In addition, findings of the study stated that school has benefitted from the infrastructure by having proper school strategic planning, increase students' quality, source of benchmark by others, technology enhancement and the ability to align with school's long-term purpose. As an implication, this study has explored the importance to have good school infrastructure to support the students' learning for the success of both academic and tahfiz curriculum implementation.

Keywords: *Infrastructure, Tahfiz School, Financial Resources, Case Study*

PENGENALAN

Perkembangan terkini institusi tahfiz menunjukkan bahawa sekolah yang menawarkan aliran menghafaz al-Quran atau tahfiz al-Quran mula mendapat perhatian daripada pelbagai lapisan masyarakat. Permintaan daripada ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah aliran agama melebihi daripada tawaran dan kesanggupan pihak pentadbir bagi menyediakannya (Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana, Aslam Farah, 2018). Oleh yang demikian, penubuhan institusi tahfiz yang sesuai dengan keperluan masyarakat kini perlu dalam melahirkan huffaz yang cemerlang bukan sahaja dari segi hafazan al-Quran malahan dari segi kemahiran sosial dan akademik serta perkembangan diri yang holistik.

Kerancangan pembangunan institusi tahfiz telah mewujudkan dua aliran pendidikan tahfiz iaitu yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan swasta. Institusi tahfiz kerajaan merujuk kepada institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri manakala institusi tahfiz swasta pula diuruskan secara persendirian oleh individu atau sesebuah organisasi (Solahuddin, 2016). Menurut

Azmil Hashim dan Misnan Jemali (2015), perkembangan pendidikan tahfiz di kebanyakan negeri di Malaysia amat memberangsangkan dengan bertambahnya bilangan dan peratusan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat dari masa ke masa. Sambutan daripada masyarakat yang amat menggalakan telah meningkatkan pertumbuhan institusi tahfiz di Malaysia. Perkembangan ini juga telah mendorong ibubapa dan masyarakat untuk turut memilih institusi tahfiz swasta bagi memenuhi peluang yang terhad dalam institusi pendidikan tahfiz yang dikelolakan oleh kerajaan.

Seiring dengan perkembangan tersebut, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengambil inisiatif dalam menubuhkan beberapa institusi tahfiz seiring dengan falsafah Pendidikan Islam JAIS. Penubuhan tersebut adalah salah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal berakhlak mulia dan berketerampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah disamping melahirkan masyarakat muslim yang bertakwa di dunia dan akhirat. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) merupakan institusi Pendidikan tahfiz menengah di bawah kelolaan JAIS yang telah ditubuhkan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dalam semua aspek khususnya dalam akademik dan hafazan. Pada awal fasa pembangunan, pihak JAIS telah mendirikan empat buah MITS iaitu di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang yang bermula pada tahun 2008 (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016). Ianya adalah dalam rangka bagi menubuhkan peluang Pendidikan tahfiz yang lebih luas kepada seluruh murid beragama Islam di Selangor serta sasaran bagi mendirikan MITS di setiap daerah di negeri Selangor.

Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) telah melaksanakan kurikulum Pendidikan Islam JAIS yang menggabungkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan pendidikan tahfiz al-Quran. Seiring dengan objektifnya untuk melahirkan profesional yang menghafaz dan menghayati al-Quran, konsep pendidikan holistik yang digunakan dalam kurikulum MITS membolehkan pelajar mempelajari tiga sistem pendidikan iaitu Pendidikan Islam sukatan al-Azhar, sukatan KSSM dan sukatan Tahfiz (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016). Kurikulum Pendidikan Islam Jais. Shah Alam: JAIS.. Justeru, ia akan melahirkan golongan pelajar yang bukan hanya mahir menghafaz al-Quran bahkan dapat melahirkan golongan ulama professional yang menguasai pelbagai cabang ilmu duniawi dan ukhrawi.

Bagi merealisasikan hasrat Pendidikan tahfiz ini, pengurusan institusi Pendidikan adalah aspek yang penting bagi menentukan kualiti pendidikan serta matlamat utama dalam menghasilkan kecermelangan pelajar. Institusi Pendidikan yang ditadbir dengan baik mampu melancarkan proses utama Pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran serta penghasilan kualiti perkhidmatan Pendidikan yang disasarkan. Menurut Drucker (2007) pengurusan merupakan satu proses sosial yang dibentuk bagi mendapatkan penyertaan, kerjasama serta penglibatan setiap ahli bagi sesebuah organisasi yang dibentuk bagi mencapai matlamat dan hala tuju. Pandangan ini disokong dengan pernyataan bahawa kecekapan dan kepantasan bagi sesebuah pentadbiran akan dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat dalam sesebuah organisasi (Morphet, Johns & Reller 1982).

Pengurusan infrastruktur adalah merupakan antara cabang utama yang menyokong pengurusan sesebuah institusi pendidikan. Infrastruktur yang lengkap dan teratur sudah pasti dapat menyediakan persekitaran yang kondusif bagi tujuan pembelajaran dan seterusnya kemudahan yang dapat melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang mengkhusus kepada pengurusan infrastruktur institusi pendidikan tahfiz amat kurang dijalankan namun ianya semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Kekurangan kemudahan pembelajaran pastinya akan mengganggu kelancaran proses pembelajaran dan seterusnya sasaran bagi menghasilkan matlamat pendidikan yang diharapkan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Abd Rahman Abd Ghani dan Azmil Hashim (2018), terdapat beberapa aspek pengurusan infrastruktur yang perlu diberi perhatian oleh institusi pendidikan tahfiz bagi membolehkan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka amalan pengurusan infrastruktur di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) serta kepentingannya terhadap pembangunan pendidikan.

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa institusi tahfiz di negara ini perlu diperkasakan agar ianya setaraf dengan pelbagai bidang pendidikan yang lain. Perkembangan sistem pendidikan hafazan al-Quran di Malaysia semakin penting untuk dikaji dalam usaha untuk menjadikan sistem pengurusan pendidikan pengajian hafazan al-Quran lebih tersusun dan sistematik demi untuk kebaikan masyarakat Islam secara keseluruhannya. Selain itu, kerjasama di antara pihak pengurusan sekolah dan seluruh warga sekolah juga sangat diperlukan bagi menjayakan pentadbiran dan pengurusan sekolah serta memastikan keseluruhan penyampaian pendidikan berjalan dengan lancar dan sistematik. Kajian ini diharap mampu memberi panduan tentang amalan pengurusan infrastruktur di institusi pendidikan tahfiz, sumber kewangan yang disalurkan serta manfaat yang diterima hasil daripada pengurusan infrastruktur yang baik dan berkesan. Ia turut membuka ruang terhadap cadangan penambahbaikan pembangunan infrastruktur institusi pendidikan tahfiz agar ianya seiring dengan perubahan zaman serta pencapaian keberhasilan pelajar yang diharapkan.

PENYATAAN MASALAH

Pelbagai isu yang berkaitan dengan pendidikan tahfiz telah hangat dibincangkan demi menjadikan tahfiz lebih terarah dan tersusun dari pelbagai sudut. Antara isu yang sering dibangkitkan dalam pendidikan tahfiz ialah berkaitan dengan matlamat dan hala tuju pendidikan tahfiz dalam melahirkan huffaz yang berkebolehan bukan sahaja dalam bidang agama tetapi juga dalam bidang akademik. Ianya meliputi jenis kurikulum dan model yang digunakan tidak selaras, kelayakan ikhtisas perguruan serta prasarana dan infrastruktur sekolah. Selain itu, kelemahan pihak pengurusan tahfiz yang lemah juga menjadi salah satu isu yang sering dibangkitkan. (Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana & Aslam Farah, 2018).

Kepelbagaian aliran pemikiran, orientasi, bentuk, hala tuju, matlamat dan objektif serta kurikulum dalam sistem pengajian maahad tahfiz adalah sesuatu yang sangat mendesak untuk difikirkan secara serius kerana ianya memberi implikasi yang besar kepada sistem pendidikan secara keseluruhan (Noor Hisyam Md Nawi & Nasrun Hakim Salleh, 2011). Pendidikan tahfiz secara moden telah memainkan peranan yang sangat penting bagi melahirkan huffaz yang berintegriti. Pendidikan tahfiz al-Quran secara moden ialah pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun iaitu meliputi dari sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan dari segi infrastrukturnya.

Pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah juga merupakan salah satu isu yang sering diperkatakan kini. Ini kerana, Pengurusan pentadbiran merupakan salah satu tunjang kejayaan kecemerlangan kepada sesebuah institusi tahfiz (Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana & Aslam Farah, 2018). Hasil daripada kajian lepas yang dilakukan mendapati bahawa, tanpa kerja keras daripada pihak pengurusan sesebuah institusi adalah sukar untuk membangun dan mencapai kecemerlangan. Pengetua merupakan watak utama di dalam sistem sekolah kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesebuah institusi tahfiz.

Sistem pengurusan pendidikan tahfiz yang teratur dan sistematik sangat diperlukan agar perjalanan sistem pendidikan dan pentadbirannya berjalan dengan lancar dan teratur. Oleh itu, institusi tahfiz di negara perlu diperkasakan merangkumi pelbagai aspek yang meliputi kurikulum, pembangunan sumber manusia, kemudahan infrastruktur serta aspek-aspek lain yang meyokong perkhidmatan pendidikan. Infrastruktur yang lengkap dan mencukupi sudah pasti dapat menggalakkan iklim yang kondusif bagi tujuan pembelajaran. Dengan wujudnya suasana pembelajaran yang teratur dan selesa, ia sudah pasti dapat melancarkan proses pembelajaran yang seterusnya dapat menyokong faktor-faktor utama lain yang menjadi penyumbang kepada kualiti pendidikan dan keberhasilan pendidikan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneroka kemudahan infrastruktur yang terdapat di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) serta sumber kewangan yang diterima bagi tujuan penyediaan infrastruktur tersebut.

Kajian turut mengenalpasti manfaat yang diterima oleh sekolah hasil daripada kemudahan infrastruktur yang disediakan kepada warga sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara spesifik, objektif kajian ini adalah:

1. Meneroka kemudahan infrastruktur yang disediakan di Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor (MITS).
2. Mengenalpasti sumber kewangan sekolah dalam penyediaan infrastruktur di MITS
3. Memahami manfaat kemudahan infrastuktur yang diterima oleh sekolah.

SOROTON KAJIAN

Pendidikan Tahfiz

Menurut Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri & Mohd Aderi Che Noh (2014), penekanan kepada pendidikan tahfiz di Malaysia semakin meningkat dengan pertambahan bilangan ibu bapa yang menghantar anak mereka mendapatkan pendidikan agama dalam pelbagai peringkat pengajian sama ada di bawah kerajaan negeri, swasta atau individu. Secara umumnya, kurikulum yang ditawarkan merangkumi kurikulum agama sepenuhnya, tahfiz, gabungan keduanya ataupun sistem pondok. Menurut Nordin Ahmad (2015) kandungan kurikulum tahfiz al-Quran al-Karim didasari komponen kurikulum utama iaitu komponen kurikulum teras dan komponen kurikulum elektif. Komponen teras terdiri daripada Hifz al-Quran al-Karim Syafawi, Hifz al-Quran al-Karim Tahriri, Tajwid Amali, Tajwid Tahriri dan Adab Hamalatul Quran. Sementara itu, Tafsir al-Quran, Akidah dan Fiqah Ibadat melengkapkan senarai kursus komponen kurikulum elektif.

Dalam membincangkan pendidikan tahfiz, terdapat banyak kajian yang mengkaji tentang kurikulum Pendidikan tahfiz di Malaysia yang meliputi aspek kandungan kurikulum serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Terdapat kajian yang menyetengahkan persoalan kaedah hafazan al-Quran al-Karim dan keberkesanannya serta kaedah sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh (Abdul Hafiz Abdullah & Hashimah Muda 2003). Selain itu, terdapat juga kajian yang menyentuh isu keunikan kaedah menghafaz al-Quran di serata dunia (Sedek Ariffin 2011; Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid 2014); serta keunikan setiap kaedah yang digunakan; seperti kaedah hafazan sistem Turki (Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abdul Rahman 2010; Sharifah Noorhidayah Syed Aziz et al. 2016); Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom 2016); Kaedah Hafazan Sistem Deobandi (Sedek Ariffin & Mustafa Abdullah 2016); serta kaedah hafazan berkonsepkan Neurofisiologi Nadi al-Baghdadi (Jalaluddin Hassanuddin, Muhammad Farhan & Wan Nur Najwa, 2016). Kaedah hafazan al-Quran yang pelbagai dan kepentingannya sebagai sebahagian daripada kandungan kurikulum tahfiz amatlah jelas melalui beberapa kajian sebelum ini.

Aspek lain dalam memahami konsep pendidikan tahfiz adalah berkenaan kaedah menghafaz dan mengingat Al-Quran. Menurut Al-Nawawi dan Abu Zakaria Yahya b. Syarf (1996), terdapat dua faktor utama bagi mengekalkan ingatan dan hafazan iaitu menjaga imej hafiz serta ingatan hafiz terhadap hafalan al-Quran. Seterusnya, Muhaidi Mustaffa (2010) dalam kajiannya turut mengaitkan kaedah hafazan al-Quran al-Karim dan hubungannya dengan pelajar; penerokaan kaedah hafazan tradisional dan moden, serta penambahbaikan terhadap kaedah tersebut mengikut kesesuaiannya agar lebih sistematik dan berkesan (Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri, 2014). Tambah Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Salleh Rosman dan Mohd Faez Illias (2015) para huffaz perlu konsisten dalam mengulang dan mengkhatamkan bacaan al-Quran al-Karim, membaca al-Quran al-Karim pada waktu malam secara lazim, serta memelihara hafazan al-Quran al-Karim.

Pengurusan Infrastruktur Institusi Pendidikan

Pengurusan infrastruktur dalam pendidikan merupakan salah satu cabang yang penting dalam keseluruhan pengurusan aset dan harta benda. Infrastruktur merupakan salah satu daripada keperluan konteks dalam keseluruhan sistem pendidikan yang membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Infrastruktur yang mencukupi dan terancang atau sistematik mampu membantu organisasi pendidikan khususnya sekolah ke arah pencapaian visi, misi serta objektif organisasi. Segala perancangan organisasi seharusnya disokong dan digerakkan oleh sumber manusia dan sumber fizikal yang baik agar dapat diimplementasikan sebagaimana yang diharapkan.

Kajian-kajian berkaitan pengurusan infrastruktur sering dibincangkan sebagai antara komponen sokongan dalam keseluruhan pengurusan dan perancangan institusi pendidikan. Selain itu ia turut dikaitkan sebagai antara pemboleh ubah yang turut menyumbang terhadap keberkesanan pendidikan serta hasil akhir pencapaian pelajar yang diharapkan. Dalam pengendalian dan pengurusan pendidikan, infrastruktur secara umumnya bersumber daripada kerajaan samada di peringkat Persekutuan mahupun negeri serta melalui penajaan dari pihak organisasi atau sekolah sendiri. Ianya turut mencakupi aspek penyelenggaraan kerana infrastruktur adalah aset yang perlu dijaga dan dipelihara bagi memaksimumkan manfaat yang dapat diperolehi daripadanya.


Dalam konteks tempatan, terdapat kajian yang mengukur tahap prasarana pendidikan bagi sekolah menengah kerajaan oleh Nurazuan Razali (2013). Dapatan menunjukkan tahap parasarana bagi sekolah kategori tersebut adalah ditahap sederhana yang menggambarkan bahawa secara umumnya kemudahan yang terdapat disekolah adalah di tahap yang memuaskan. Selain itu, kajian turut mendapati hubungan yang signifikan antara kemudahan prasarana dan persekitaran pembelajaran yang dikira sebahagian daripada keperluan penyediaan sebuah pembelajaran yang baik. Selain itu, kajian oleh Che Nidzam, Noraini, Mazlini, Marzita dan Mohd Hairy (2013) turut menunjukkan terdapatnya perhubungan di antara pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap penyelesaian pengajaran dan pembelajaran. Kajian turut menunjukkan bahawa tahap penyelesaian kemudahan dalam bilik darjah juga adalah di tahap sederhana dan amat penting bagi sekolah mewujudkan kemudahan yang kondusif bagi menghasilkan suasana pembelajaran yang baik yang mampu menyumbang kepada hasil pembelajaran.

Pengaruh persekitaran juga dikatakan turut menyumbang kepada kesedaran metakognitif pelajar sekolah menengah (Abdul & Maat, 2019). Ianya mampu memberi impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya hasil pendidikan yang diharapkan. Kajian oleh Christina Andin, Abdul Saad Ambotang, Yusri Kamin dan Rohana Hamzah (2019) turut menekankan usaha permuafakatan sekolah dan kerjasama semua pihak kearah mentransformasi serta menghasilkan dan sekolah yang mempunyai persekitaran yang kondusif. Usaha kearah transformasi persekitaran ini mampu digerakkan oleh kepimpinan sekolah yang mempunyai matlamat yang jelas. Ianya turut disertakan dengan pendidik yang mempunyai objektif pembelajaran yang tersusun bagi membolehkan para pelajar menguasai pembelajaran dengan baik.

Kerangka Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini telah dijanlankan dengan berdasarkan kerangka teoretikal yang di adaptasi dari model *Context-Input-Process-Output* (CIPO) oleh Jaap Scheerens (Scheerens, 1990). Model ini menjelaskan tentang system asas bagaimana sesebuah organisasi pendidikan berfungsi khususnya sekolah yang merangkumi keseluruhan tahap sistem, sekolah serta bilik darjah. Model ini juga menjadi kerangka utama yang menghuraikan bagaimana kualiti sesebuah organisasi pendidikan itu dinilai secara keseluruhan. Menurut model ini, Pendidikan adalah dilihat sebagai sebuah proses yang dimulakan dengan input dan kemudiannya akan menghasilkan output. Selain itu, konteks Pendidikan

turut menjadi komponen utama dalam model yang berperanan mewujudkan persekitaran yang baik serta mempengaruhi bagaimana input diberikan dan output dihasilkan. Dengan kata lain, keempat-empat elemen utama dalam model ini adalah saling berhubung dan mempengaruhi antara satu sama lain bagi menghasilkan Pendidikan yang teratur dan sistematik serta mampu menyokong dalam menghasilkan kejayaan dalam Pendidikan. Model CIPO adalah digambarkan oleh rajah 1 dibawah.



Rajah 1 Model Context-Input-Process-Output (CIPO). Adaptasi daripada Model CIPO Jaap Scheerens (1990)

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif melalui kajian kes tunggal terhadap organisasi pendidikan. Bagi memperolehi data, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan kaedah pemerhatian. Menurut Cresswell (2005), kajian kualitatif adalah bertujuan mengkaji fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan lain-lain. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif yang dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci bagi mengekalkan keasliannya secara holistik. Kaedah kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar terhadap persekitaran lokasi kajian (Yin, 1994).

Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang pengkaji menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respon yang dihayati daripada peserta kajian. Dalam konteks ini, pengkaji menemu bual beberapa wakil yang terdiri daripada pihak pengurusan pentadbiran di sebuah Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor (MITS) yang menjadi pilihan. Setelah itu, pengkaji juga turut menemubual beberapa orang wakil daripada pihak pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang mengelola bahagian pengurusan pembangunan dan infrastruktur tahfiz bagi mendapatkan data tentang latar belakang serta kemudahan pembangunan MITS dengan lebih mendalam bagi mengukuhkan dapatan yang sedia ada. Selain itu, pengkaji memilih pemerhatian tidak turut serta, di mana pemerhatian dibuat tanpa mencampuri setiap pemerhati, pendengar dan perekod tingkah laku. Pemerhatian ini dibuat bagi melihat iklim, suasana serta infrastruktur bagi Maahad Intergrasi Tahfiz Sains tersebut.

Peserta Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah institusi Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor (MITS) dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan sebagaimana menurut Gall, Gall and Borg (2003), persampelan bertujuan biasanya menggunakan saiz sampel yang kecil kerana dapat membantu pengkaji memahami sesuatu pemerihalhan fenomena yang dikaji dengan lebih mendalam. Menurut Chua (2006) berpendapat, kajian kualitatif tidak perlu melibatkan populasi yang ramai kerana mempunyai data demografi yang sama dan tidak mempunyai ciri-ciri pemboleh ubah yang berbeza. Dalam kajian ini, peserta adalah merujuk kepada mereka yang

diminta untuk memberi fokus kepada fakta-fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan peserta kajian itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks sedia ada (Barbour, 2007). Peserta kajian telah dipilih setelah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Peserta kajian terdiri daripada guru penolong kanan tahfiz, guru penolong kanan ko-kurikulum serta dua wakil dari Bahagian Pembanguna Islam (BPI), JAIS.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan data merujuk kepada data yang dipersembahkan sebagaimana yang dikehendaki oleh peserta kajian (Gay, 1996). Oleh itu, dalam kajian ini, *direct quotation* telah dikekalkan seperti pengucapan asal peserta kajian kecuali penerangan yang dibuat mengenai sesuatu maksud yang tidak jelas. Setelah itu peserta kajian yang dipilih tersebut diminta untuk menyemak semula (*counter check*) data dan maklumat yang dianalisis tersebut seperti yang dicadangkan oleh Creswell (1998) dan Miles & Huberman (1994). Sekiranya peserta kajian bersetuju dengan interpretasi pengkaji ianya akan menunjukkan kesahan dalam dapatan. Melalui kajian ini pengkaji menggunakan rakaman berbentuk rakaman suara. Walaupun begitu, rakaman suara ini hanya dirakam setelah pengkaji mendapat keizinan daripada peserta kajian bagi mengelakkan pelanggaran etika dalam kajian. Selain itu, kajian turut menjalankant kaedah pemerhatian sebagai usaha menjalankan triangulasi. Pemerhatian dibuat terhadap infrastruktur yang terdapat di MITS bagi menyokong dapatan yang diperolehi daripada temubual.

Kajian ini turut melibatkan kajian rintis yang dijalankan sebelum memulakan kajian sebenar. Kajian rintis ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti masalah yang mungkin timbul semasa menjalankan kajian lapangan. Selain itu, pengkaji juga dapat mengambil langkah yang tertentu bagi memastikan kajian yang dilakukan dapat disempurnakan dengan baik. Fasa kajian rintis telah diadakan di salah sebuah MITS sekitar Selangor yang bukan merupakan sampel sebenar kajian. Setelah mendapatkan kebenaran bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menemubual wakil daripada MITS tersebut dan beberapa penambahbaikan protokol temubual telah dibuat hasil daripada dapatan kajian rintis yang telah dijalankan.

Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini bermula dengan aktiviti pra kajian iaitu dengan memohon kebenaran kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIS serta memohon kebenaran menjalankan kajian kepada pihak sekolah yang terlibat. Setelah kebenaran diperolehi, pengkaji telah hadir ke sekolah dan data telah diperolehi melalui kaedah temubual separa berstruktur dan pemerhatian. Semasa temu bual dijalankan, pita rakaman digunakan bagi merekod perbualan di antara pengkaji dan peserta kajian. Selain itu, pengkaji perlu meyakinkan peserta kajian bahawa setiap perbualan mereka hanya untuk tujuan kajian dan akan dirahsiakan. Pengkaji menggunakan teknik *probing* (mencungkil) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang sesuatu perkara seperti mengemukakan soalan yang bersifat khusus, meminta peserta menghuraikan sesuatu perkara dengan lebih lanjut dan meminta peserta memberikan contoh-contoh (Taylor & Bogdan 1984). Lanjutan daripada temubual, pengkaji turut membuat pemerhatian bagi melihat kemudahan infrastruktur yang berada di sekolah.

Analisis Data

Data-data yang dikutip tidak akan memberi makna tanpa membuat analisis. Pelbagai aktiviti perlu dibuat semasa menganalisis data seperti proses menggabung, mengurang dan membuat interpretasi berdasarkan apa yang dikatakan oleh peserta kajian dan apa yang diperhati untuk memberi makna kepada data (Bogdan dan Biklen 1998; Merriam 1998). Dalam penyelidikan ini, proses penganalisan data dijalankan sebaik sahaja aktiviti pengumpulan data bermula. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan kaedah analisis tematik. Pada peringkat awal, data telah ditanskripsi dan diikuti dengan proses pengekodan. Hasil daripada beberapa langkah pengekodan, beberapa tema telah dikenalpasti bagi

menjawab soalan kajian. Selain itu, data daripada pemerhatian turut dianalisis bagi menyokong dapatan daripada temubual.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dapatan yang dianalisis bagi mencapai tiga objektif kajian iaitu bagi meneroka infrastruktur yang disediakan oleh pihak pengurusan MITS, sumber kewangan yang diperolehi serta manfaat yang diperolehi daripada infrastruktur yang disediakan.

Infrastruktur yang di Sediakan oleh Pihak Sekolah

Sejak awal penubuhan MITS, infrastruktur di sekolah adalah disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan kemudiannya ditambahbaik dari semasa ke semasa mengikut keperluan dari pihak sekolah. Infrastruktur yang ada di MITS adalah sama sebagaimana sekolah berasrama yang lain dan merangkumi infrastruktur asas bagi pembelajaran dan seterusnya kediaman bagi para pelajar dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Subtema yang ditemui bagi infrastruktur ini adalah kemudahan makmal, asrama, makanan di asrama serta fasiliti umum.

(1) Kemudahan makmal

Sejak awal pembinaan bangunan sekolah di MITS, beberapa makmal telah dibangunkan iaitu makmal computer, makmal sains yang merangkumi makmal biologi dan kimia serta makmal RBT iaitu bagi matapelajaran Reka Bentuk Teknologi. Berhubung makmal komputer, ianya merupakan satu kebanggaan bagi warga sekolah sebagaimana yang disebut oleh PS4:

“prasarana kita lengkap malah lebih lagi sebenarnya sebab kita ada makmal komputer yang boleh menempatkan satu tingkatan untuk masuk dalam makmal tu”

“Dan sebenarnya sekolah baru ja diluluskan oleh pengarah JAIS untuk ubah suai makmal komputer tu upgrade lah komputer baru dan sebagainya dan telah siap prosesnya tahun 2020 ni memang boleh di gunakan sepenuhnya”

Selain daripada saiznya yang besar, makmal komputer di sekolah juga turut ditambahbaik dari semasa ke semasa dan ubah suai makmal juga telah dijalankan bagi manfaat yang optimum kepada pelajar. Disamping itu, ianya dikatakan cukup sedia bagi penggunaan yang sepenuhnya menjelang tahun 2020. Selain daripada makmal computer, makmal lain juga adalah merupakan sebahagian infrastruktur yang membantu PdPc di MITS misalnya makmal biologi, makmal kima serta makmal bagi matapelajaran Rekabentuk Tekonologi (RBT). Menurut PS4, ianya suatu pencapaian yang baik bagi sebuah sekolah tahfiz untuk mempunyai kelengkapan bagi menyokong pembelajaran subjek akademik. Ianya membantu para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dari segenap aspek pembelajaran termasuklah akademik, tahfiz dan dini. Sebagaimana yang disebut oleh PS4:

“Kalau kemudahan-kemudahan lain yang saya kata tu la makmal sebab kita sekolah tahfiz sains jadi kita ada makmal bio, makmal kimia termasuk lah makmal RBT. Sekarang ni kita panggil apa tu, dulu KHB kan sekarang RBT lah”

(2) Asrama

Antara infrastruktur penting bagi MITS adalah asrama yang dibina bagi kemudahan penempatan para pelajar memandangkan MITS adalah sekolah berasrama yang memerlukan pelajar untuk tinggal di sekolah. Oleh itu asrama telah disediakan bagi kemudahan pelajar lelaki dan perempuan dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan sepenuhnya dikawal oleh guru atau warden yang ditugaskan. Seiring dengan infrastruktur asrama juga, kemudahan sampingan lain turut disediakan iaitu kantin atau dewan makan

untuk penyediaan makanan sepanjang mereka tinggal di asrama. Ianya digambarkan dengan pernyataan yang berikut:

“Bilik guru, kantin dan pelajar kita pelajar asrama. Asrama penuh bukan pelajar harian yang ada boleh berulang la, tiada memang semuanya tinggal di asrama”.

(3) Makanan asrama

Sebagai melengkapi kemudahan asrama yang telah disediakan oleh pihak sekolah, dewan makan yang menyediakan makanan kepada para pelajar juga turut ada dimana makanan diberi sebanyak lima kali sehari. Makan asrama ini adalah meliputi makanan bagi sarapan pagi, makan tengahari, minum petang, makan malam serta minum malam. Menu yang pelbagai telah disediakan oleh pihak sekolah termasuklah makanan tambahan yang berupa makanan sunnah misalnya kurma dan kismis. Ianya adalah sejajar dengan hasrat sekolah bagi menghasilkan para huffaz yang terpelihara dari sudut amalan dan pemakanan hariannya. Antara yang dinyatakan oleh informan adalah:

“Jadi pelajar ni kita beri sehari kalau lima kali makan. Pagi sarapan, tengahhari kemudian minum petang. Makan malam dan minum malam, lima kali sehari makan.”

“Kalau kurma tu kismis tu kita ada. Itu diantara makanan sunnah yang orang kata kita cuba amalkan lah di MITS Klang”.

(4) Fasiliti umum

Fasiliti umum merujuk kepada kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk seluruh warga sekolah dan pihak luar. Antara fasiliti utama yang turut dinyatakan oleh informan adalah kemudahan dewan yang telah dibina di MITS bagi tujuan perhimpunan pelajar serta aktiviti-aktiviti umum sokongan lain. Dewan sedia ada adalah bersesuaian dengan kapasiti pelajar dan guru MITS serta membolehkan perhimpunan diadakan secara serentak dan beramai-ramai. Subtema ini telah disokong dengan pernyataan berikut:

“Itu subjek baru yang kita ikut kementerian tapi makmal tu kita sedia kan, dewan. Cuma dewan kita bukan dewan yang besar boleh tempatkan ribuan besar orang lah.”

Daripada pemerhatian juga, dapat dilihat bangunan akademik sekolah yang menempatkan kemudahan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran yang meliputi bilik darjah, bilik guru, makmal sains dan makmal RBT serta beberapa bilik lain yang melengkapi aktiviti pembelajaran. Dapat dilihat juga fasiliti umum misalnya dewan sekolah yang digunakan oleh warga sekolah untuk pelbagai jenis program samada bersifat dalaman mahupun yang melibatkan ibu bapa dan orang luar. Bersebelahan dengan bangunan akademik adalah bangunan asrama bagi murid lelaki dan perempuan serta dewan makan yang menyajikan makanan bagi murid dan guru.

Sumber Kewangan Yang Diperolehi Sekolah

Dalam mengurus kemudahan infrastruktur di MITS, sumber kewangan adalah amat penting bagi memastikan kemudahan tersebut dapat disediakan secara berterusan dan sebarang penambahbaikan dapat dilaksanakan. Terdapat beberapa sumber kewangan yang menjadi tunggak penting kepada perjalanan MITS dan antara yang telah dikenalpasti adalah sumber kewangan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)/Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sumber kewangan zakat dari pusat pungat zakat serta organisasi misalnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta sumber luar misalnya ibu bapa dan sumbangan masyarakat.

(1) JAIS/MAIS

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah sumber utama dalam pembangunan MITS. Memandangkan MITS adalah dibawah penyeliaan JAIS, maka sebahagian besar modal bagi pembangunan infrastruktur adalah dari sumber yang diberikan oleh JAIS. Bangunan utama misalnya bangunan kelas dan asrama adalah contoh infrastruktur yang disediakan oleh JAIS sebagaimana petikan berikut:

“Tapi dah siap sepenuhnya dengan dana daripada JAIS lah. Berapa juta yea diperuntukan dan alhamdulillah siap.”

Selain itu, bagi penyediaan makanan di asrama, penyumbang utama terhadap peruntukan ini adalah dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan peruntukan yang agak besar merangkumi penyediaan makanan lima kali sehari.

“dewan makan dan pelajar pun bayaran makan sepenuhnya ditanggung oleh MAIS Majlis Agama Islam Selangor.”

(2) Zakat dan JAKIM (Organisasi)

Selain daripada JAIS dan MAIS, antara sumber lain yang turut memainkan peranan dalam membiayai pembangunan akademik di MITS adalah dari sumber zakat serta organisasi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sebagaimana yang dinyatakan oleh informan, sumber zakat ini disalurkan kepada para pelajar di MITS sebagai di antara kategori asnaf yang layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf Fisabilillah. Para pelajar akan menerima bantuan zakat dalam amaun yang tertentu sebagaimana para pelajar di MITS yang lain. Selain itu, JAKIM juga turut memberi bantuan kewangan kepada para pelajar dan ianya turut memberi impak terhadap kemudahan dan pembangunan pembelajaran para pelajar. Antara yang dipetik dari temubual informan adalah:

“Ok, kalau kewangan disekolah selain daripada JAIS kit dapat lah dari zakat dan jakim pon kita dapat”

“Zakat pelajar kita ni sebenarnya, kita memang terima untuk sesiapa yang menghafal al-quran mereka memang dapat. Sebelum ni dapat seratus setengah sebulan kalau tak silap saya.”

“Sebab setiap tahun kita ada dana khas khas untuk pelajar-pelajar kita lah. Maksudnya yang datang daripada pihak jakim dan zakat.”

(3) Ibu bapa

Ibu bapa para pelajar di MITS telah memainkan peranan yang sangat aktif dalam membantu menyalurkan sumbangan bagi pembangunan pembelajaran para pelajar. Daripada temubual yang telah dijalankan, terdapat persatuan khas yang telah ditubuhkan dalam kalangan ibu bapa iaitu dengan nama *Parent Support Group* (PSG) yang berperanan memberi sokongan kepada pembelajaran anak-anak dalam bentuk bantuan terutamanya kewangan dan lain-lain lagi. Daripada sumbangan kewangan yang diterima atas inisiatif PSG ini, sekolah dapat menambah infrastruktur sedia ada atau menambahbaik keceriaan serta kemudahan sekolah yang dapat memberi keselesaan kepada anak-anak. Antara yang dinyatakan oleh informan adalah:

“Jadi ada ibu bapa sanggup bayar, jadi kita buat.”

“Jadi antara cara yang kita dapat daripada sumber kewangan ni, satu bersyukur la juga saya di MITS ni sebab ibu bapa sangat membantu. Ibu bapa ini antara orang kata yang sumber dana juga untuk MITS.”

“Tapi di MITS kita wujudkan satu nama di parent support group.”

“Jadi kebanyakan memang PSG kita banyak support betul-betul.”

“Itu sebenarnya sumbangan daripada PSG. Ada PSG yang sumbang lebih dana tu untuk beli bangku, kerusi batu. Cuma orang kata kalau PSG sangat kuat lah di MITS ni.”

(4) Masyarakat

Selain daripada ibu bapa yang telah memberi sokongan dalam bentuk sumber kewangan kepada pihak sekolah, masyarakat luar juga turut memainkan peranan bagi sama-sama membantu sekolah dalam menjayakan agenda pendidikan tahfiz bagi MITS. Sumbangan daripada masyarakat ini biasanya datang daripada bantuan orang perseorangan ataupun wakil rakyat yang banyak memberikan derma bagi pembangunan dan manfaat sekolah. Bagi pihak MITS, antara sumbangan yang pernah direkodkan adalah sumbangan kewangan daripada wakil rakyat atau ahli Parlimen yang telah menyumbang bagi tujuan penyediaan peralatan sokongan misalnya peralatan elektrik serta alat teknikal bagi kelancaran majlis-majlis yang dijalankan oleh sekolah. Antara yang dinyatakan adalah:

“Haa tapi sebabkan ibu bapa dah maklumkan awal-awal mereka pun dah orang kata ada yang cuba cari orang kata Adun. Tahun lepas kita terima ye YDP PIBG dia mohonkan kita, kebetulan rostrum kita tu dah lama, dah nampak tak elok la bila program kan. Nampak tak cantik. Kita dapat mohon pada masa tu Muhammad Sabu..”

“Itu orang kata, sumber kewangan tu datang daripada orang persendirian”.

Manfaat Kemudahan Infrastruktur Sekolah

Penyediaan infrastruktur yang diperolehi hasil dari sumber kewangan dari pelbagai pihak sememangnya memberi manfaat warga sekolah meliputi para pelajar serta guru-guru. Dengan adanya kemudahan serta penambahbaikan yang konsisten, MITS mampu mengekalkan visi dan misi yang disasarkan serta pencapaian ke arah objektif jangka pendek dan jangka panjang sekolah. Antara lima subtema yang dapat disimpulkan dari temubual adalah manfaat kepada strategi yang tersusun, penghasilan kualiti pelajar, menjadi penanda aras sebagai institusi tahfiz yang terbaik, peningkatan teknologi serta usaha yang selari dengan matlamat sekolah.

(1) Strategi tersusun

Dengan infrastruktur yang baik serta sumber kewangan yang mencukupi dan pelbagai, sekolah mampu menyusun strategi dengan baik merangkumi pelbagai aspek perancangan di sekolah. Ianya sangat penting agar semua bahagian dan unit disekolah dapat berjalan dengan lancar serta tiadanya pertindihan program atau kelemahan dalam pentadbiran. Ini merangkumi aspek perancangan kurikulum tahfiz, Hal ehwal murid, pembnagunan ko-kurikulum serta lain-lain lagi. Ini disokong dengan pernyataan oleh informan misalnya:

“Semestinya memang kita kena buat strategi tu untuk bagi orang kata nak nampak perancangan kita tu tersusun lah”.

“Sebab kita tak nak bagi orang kata bertembung program, jadi benda tu tak tercapai. Dari sudut penolong kanan pun kita kena berbincang maksudnya sama lah supaya kita dapat

selaraskan. Tahfiz punya bagaimana program. Koko pula bagaimana, HEM pula bagaimana.”

(2) Kualiti pelajar

Kualiti adalah antara hasil utama pendidikan yang diharapkan oleh pihak sekolah. Kualiti mempunyai definisi yang luas merangkumi pelbagai aspek dalam menghasilkan kemenjadian murid. Justeru, penyediaan kemudahan dan infrastruktur disekolah seharusnya bermatlamat kearah meningkatkan kualiti pelajar melalui kandungan yang baik serta Alat Bantu Mengajar (ABM) yang dapat memberi impak terhadap pengetahuan dan kemahiran pelajar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh informan, terdapat juga program tertentu yang bermatlamat kearah meningkatkan kualiti pelajar misalnya program ILHAM yang terbentuk hasil dari perancangan dan kemudahan yang baik.

“Jadi di MITS pun ada satu lagi strategi kita nak bagi pelajar ni mengikut maksudnya melahirkan pelajar kita yang soleh tu, insyaa Allah fokus darul huffaz ni ada satu lagi program nama dia IHAM”

“Jadi apa yang perlu kita buat adalah dia kena bantu diri dia dengan IHAM tu”.

(3) Menjadi penandaaras

Kemudahan infrastruktur yang baik hasil dari pengurusan kewangan yang berkesan turut berperanan menjadikan MITS sebagai penandaaras kualiti pendidikan yang menjadi rujukan pelbagai pihak. Menurut informan, MITS tersebut sering menerima pelawat dari pelbagai institusi Pendidikan samada dari dalam mahupun luar negara yang berhasrat meninjau tahap Pendidikan yang ditawarkan oleh MITS khususnya dalam menghasilkan Pendidikan integrasi yang berkualiti meliputi aspek akademik, dini serta tahfiz. Antara petikan dari informan misalnya:

“Sebab kita pun pernah orang luar pun... kita memang sekolah MITS ni biasanya memang ada lawatan daripada luar negara.”

“Tapi memang setiap tahun saya kalau sebagai HEM memang saya terima tetamu ramai lah daripada sekolah rendah yang nak melawat daripada orang antarabangsa, daripada negeri-negeri memang dia jadi kalau kita panggil tu”

Sememangnya, MITS dilihat sebagai salah satu model organisasi Pendidikan tahfiz yang mampu menjadi contoh terbaik bagi semua serta menjadi penanda aras yang seharusnya dicapai bagi menghasilkan para pelajar yang cemerlang duniawi dan ukhrawi. Informan juga menambah:

“Sebab tu kami pun buat kajian dengan MITS lah memang insyaa Allah kami rasa apa nama kalau nak cipta satu model sekolah tahfiz yang baik insyaa Allah lah ini adalah MITS antara salah satu lah yang boleh kami orang kata jadikan rujukan lah kan, insyaa Allah.”

(4) Teknologi

Teknologi dalam pendidikan juga semakin menjadi perhatian organisasi pendidikan serta dilihat sebagai pemangkin kearah pencapaian kualiti pendidikan yang lebih komprehensif serta selari dengan zaman. Justeru, sumber kewangan sedia ada turut digunakan kearah melengkapkan sekolah dengan kemudahan teknologi yang terkini samada dari sudut peralatan mahupun perisian yang bermanfaat. MITS tersebut juga adalah di antara pelopor perisian baru yang digelar sebagai *I-learn Ace* yang mampu mengemaskini maklumat berhubung pembelajaran serta pencapaian kurikulum para pelajar. Ianya disokong dengan pernyataan informan sebagai mana berikut:

“Sebab kita pun kalau ustaz nizam maklumkan sedang berjinak dengan kuiz online untuk tahfiz. Kuiz peperiksaan online kan untuk tahfiz.”

“Lepas tu pelajar kita pun kalau ustazah nak tahu kita ada apa ni, kita ada e-tutor tau”

“Haa ustazah, itu namanya I-learn Ace. I-learn Ace dia punya nama dia.”

(5) Selari dengan matlamat

Subtema terakhir yang terhasil daripada manfaat kemudahan adalah keselarian dengan matlamat yang telah ditetapkan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam dapatan kajian pertama, visi, misi dan objektif sekolah amat penting kearah mengurus perancangan sekolah bagi mencapai hasil akhir yang diharapkan. Justeru kemudahan infrastruktur yang ada ternyata sangat membantu sekolah kearah tindakan yang selari dengan matlamat sekolah dan seterusnya menjanjikan pencapaian perancangan strategik sekolah bagi beberapa tahun akan datang. Informan menambah:

“Haa jadi tu semua antara pelan yang kita laksanakan lah, segi yang kita buat penyusunan jadual, takwim dan juga kita kena tahu setiap program tu bukan saja nak buat tapi matlamat kita tu apa sebenarnya supaya dia selari matlamat”

PERBINCANGAN

Daripada keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa pengurusan kurikulum serta infrastruktur di MITS adalah ditahap yang baik serta mampu menjadi rujukan bagi sekolah-sekolah lain yang menyediakan kurikulum yang sealiran. Bagi infrastruktur yang disediakan di MITS, empat kemudahan utama adalah kemudahan asrama bersama dengan penyediaan makanan di asrama, dewan sekolah serta kemudahan makmal disamping kemudahan utama bangunan sekolah. Sementara itu, analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa sumber kewangan sekolah yang utama bagi membiayai pengurusan dan perjalanan sekolah iaitu dari sumber kewangan JAIS/MAIS, sumber kewangan daripada pusat zakat dan organisasi bukan kerajaan (NGO) misalnya JAKIM, sumbangan daripada ibu bapa serta sumbangan daripada masyarakat luar dan orang ramai. Lanjutan dari tu juga, penggunaan kewangan sekolah secara jelas telah dibahagikan bagi tujuan pelaksanaan ko-kurikulum dan kurikulum sekolah sendiri.

Infrastruktur yang disediakan oleh MITS juga telah memberi manfaat yang besar kepada pelajar dan seluruh warga sekolah. Analisis yang telah dibuat mendapati bahawa pengurusan infrastruktur yang baik dapat menghasilkan strategi yang tersusun, keberhasilan kualiti pelajar, menjadi penanda aras, memberi kemajuan teknologi dan seterusnya menghasilkan pelaksanaan yang selari dengan matlamat sekolah. Manfaat ini seterusnya memberi ruang kepada sekolah bagi mencapai hala tuju yang telah disasarkan. Pencapaian ini adalah merangkumi aspek akademik, hafazan serta aktiviti ko-kurikulum misalnya sukan dan kelab. Kesemua usaha ke arah pengurusan infrastruktur yang baik ini sememangnya memerlukan organisasi pengurusan infrastruktur yang tersusun di peringkat sekolah yang terdiri daripada guru-guru yang dilantik khas bagi menguruskan kemudahan serta kelengkapan infrastruktur sekolah ini. Dengan kata lain, persekitaran yang menyokong pembelajaran akan dapata diwujudkan melalui penyediaan infrastruktur yang selari dengan misi, visi dan objektif pendidikan serta memberi kemudahan bagi pelajar bagi menjalani proses pembelajaran di sekolah.

Selain itu, dapatan kajian ini juga turut selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menghuraikan tentang perhubungan di antara pengurusan infrastruktur dan fizikal terhadap keselesaan proses pembelajaran di sekolah (Che Nizam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan dan Marzita Putih dan Mohd Hairy Ibrahim, 2014; Abdul & Maat, 2019). Pengurusan infrastruktur yang baik dilihat mampu menyumbang kearah pembelajaran dan penyampaian kurikulum yang berkesan. Ini seterusnya

turut mebanut memberi impak terhadap kualiti pembelajaran pelajar dan seterusnya adalah penguasaan dan pencapaian kepada kandungan kurikulum yang dilalui. Dalam konteks pembelajaran di MITS, para pelajar seharusnya menerima persekitaran yang kondusif serta selesa bagi membantu mereka menguasai kurikulum yang pelbagai yang merangkumi kurikulum tahfiz, dini serta kurikulum kebangsaan.

Dapatan kajian ini turut menghuraikan sumber yang diperolehi oleh sekolah dalam proses penyediaan infrastruktur serta kemudahan pembelajaran para pelajar. Pelbagai pihak memainkan peranan dalam penyediaan sumber kewangan serta kemudahan asas ke arah pencapaian kurikulum dan ko-kurikulum yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Dapatan ini adalah menyokong hasil kajian oleh Christina Andin, Abdul Saad Ambotang, Yusri Kamin dan Rohana Hamzah (2019) yang menekankan usaha permuafakatan sekolah dan kerjasama semua pihak kearah menghasilkan sekolah yang mempunyai persekitaran yang kondusif. Justeru, usaha pelbagai pihak berkepentingan adalah penting terhadap kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran para pelajar yang terdiri daripada pelbagai pihak misalnya kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), para ibu bapa dan masyarakat setempat yang turut mendapat manfaat daripada hasil akhir pendidikan.

KESIMPULAN

Daripada keseluruhan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa sekolah telah berjaya menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik melalui pelbagai saluran sumber kewangan yang seterusnya memberi manfaat kepada warga sekolah terutama sekali para pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa kemudahan makmal, asrama dan fasiliti umum merupakan antara infrastruktur utama yang menyokong pengajaran dan pembelajaran di MITS. Sumber kewangan pula diperolehi daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)/Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sumber zakat dari pusat pungat zakat serta organisasi misalnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta sumber luar misalnya ibu bapa dan sumbangan masyarakat. Dengan sumber yang diperolehi ini, sekolah telah memperolehi manfaat antaranya pencapaian strategi yang tersusun, penghasilan kualiti pelajar, menjadi penanda aras sebagai institusi tahfiz yang terbaik, peningkatan teknologi serta usaha yang selari dengan matlamat sekolah.

Sebagai implikasi, kajian ini diharap mampu menjadi rujukan kepada seluruh kepimpinan MITS terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi serta membuka ruang terhadap penambahbaikan serta penyelesaian kepada segala masalah. Amalan yang baik juga perlu diteruskan serta ditingkatkan dari masa ke semasa dalam usaha MITS untuk mengembangkan lagi penubuhan institusi tahfiz yang seumpamanya di masa akan datang. Selain itu, pihak kerajaan negeri juga dapat memahami dengan jelas pengurusan kurikulum yang telah dilaksanakan oleh MITS serta hubungan pengurusan infrastruktur dalam menyokong pembelajaran para pelajar. Adalah penting bagi pihak kerajaan negeri khususnya jabatan yang terlibat menguruskan MITS untuk meningkatkan usaha kearah pemantauan dan pengawalan yang lebih sistematik serta memastikan sekolah dapat menguruskan sumber sedia ada secara optimum. Perancangan strategik juga dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui analisis yang terperinci terhadap situasi dan keadaan terkini pengurusan kurikulum di MITS bagi menghasilkan perancangan dan program yang lebih memberi impak dan mampu mencapai matlamat akhir pendidikan iaitu bagi menghasilkan professional tahfiz yang seimbang daripada sudut rohani, jasmani dan aqli.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Siswazah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani & Azmil Hashim. (2018). Persepsi guru tahfiz Al-Quran terhadap kemudahan infrastruktur institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1)
- Abdul, N., & Maat, S. (2019). Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 1(1), 12-21.
- Abdul Hafiz Abdullah & Hashimah Muda. (2003). *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abdul Rahman (2010). *Kaedah hafazan Al-Quran sistem Turki: Kajian Di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba*. 1-11
- Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom (2016). Sistem pengajaran dan pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim Kg. Tengah Kluang. *Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa 2016* (pp. 10-22). Bangi : Darul Quran JAKIM
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syarf. (1996). *al-Tibyan fi Adabi Hamlatil Quran*. Beirut: Dar Ibn Jazm
- Azmil Hashim & Misnan Jemali. (2015). Kajian mengenai hubungan antara teknik pembelajaran Tahfiz dan pencapaian Al-Quran para pelajar. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 15-25.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*. 2(2), 73-82.
- Barbour , S. R. (2007). *Introducing qualitative research: A student's guide to the craft of doing qualitative research*. United State: SAGE Publications Inc.
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan dan Marzita Putih & Mohd Hairry Ibrahim (2013). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6.
- Christina Andin, Abdul Saad Ambohang, Yusri Kamin dan Rohana Hamzah. (2019). Transformasi persekitaran sekolah melalui pemuafakatan sekolah dan komuniti luar bandar. *Malaysian Journal Of Society and Space*, 15(2), 84-101.
- Chua, Y. P. (2006). *Methods and statistics research: Book 1 Research methods*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell , J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. California CA: SAGE Publication Inc.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Drucker, P. (2007). *The practice of management*. London: Rotledge
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2016). *Kurikulum Pendidikan Islam JAIS*. Shah Alam: JAIS.
- Jalaluddin Hassanuddin, Muhammad Farhan, & Wan Nur Najwa. (2016). Inovasi modul hafazan Quran berkonsepkan neurofisiologi (Nadi al-Baghdadi). *Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa 2016*, (pp. 61-64).
- Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational research: An introduction (7th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Gay, L. R. (1996). *Educational Research: Competencies for analysis and application*. New Jersey : Merrill.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana, Aslam Farah (2018). Isu dalam pendidikan Tahfiz : Satu analisis. *e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK3 2018)*: 141-148.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research: A Guide to design and implementation (3rd ed.)*. San Francisco: Jossey-Bass Inc

- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis : An expanded sourcebook*. (2 ed.). California: SAGE Publications Inc.
- Morphet, E., Johns, R., & Reller, T. (1982). *Educational organizational and administration: Concepts, practices and issues*, Prentice-Hall: Englewood Cliff, New Jersey.
- Muhaidi Mustaffa. (2010). *Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar - Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari Tahun 1997 hingga 2007*. (T. D. Fal, Ed.) Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Salleh Rosman & Mohd Faez Illias. (2015). Strategi awal menghafaz al Quran menurut Abu Dzar Al- Qalamuni. *The 5th Annual International Quranic Conference*, (pp. 1-16).
- Noor Hisyam Md Nawi & Nasrun Hakim Salleh. (2011). *Pembinaan model pengajian Tahfiz di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (ISPEN-i 2016). V.5. issue 1. hlmn: 220-229.
- Nordin Ahmad (2015). *Memperkasakan Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahfiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri (2014). Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: Satu kajian awal . *Proceeding of The Social Sciences Research ICSSR 2014*, (pp. 827-834).
- Nurazuan Razali. (2013). *Tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Kerja Projek Yang Tidak Diterbitkan.
- Scheerens, J. (1990). School Effectiveness and the development of process indicators of school functioning. *School Effectiveness and School Improvement*, 1, 61-80. doi: 10.1080/0924345900010106
- Sedek Ariffin. (2011). Keunikan metode-metode hafazan al-Quran di dunia: Suatu peninjauan terhadap kaedah Di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia & Turki. *Seminar Serantau Pengajian Usuluddin di Institusi Pengajian Tinggi Abad Ke-21: Cabaran dan Prospek*, (pp. 83-100)
- Sedek Ariffin & Mustafa Abdullah. (2016). Kaedah hafazan al-Quran Deobandy di Malaysia: Satu analisis. *Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa 2016* (pp. 154-160). Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM
- Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah, W. (2014). Kajian metodologi hafazan al-Quran
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Latifah, A., & Ashraf, I. (2016). *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek dan cabaran. *Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November*.
- Yin, R. K., (1994). *Case study research design and methods: Applied social research and methods series*. (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.